

## Perutusan Pengarah

Ditulis oleh Administrator

Selasa, 03 Jun 2014 00:00 - Terakhir dikemaskini Selasa, 17 September 2019 08:26

---



Selamat berkunjung ke Laman Web  
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Terengganu.

PTG adalah sebuah jabatan yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran tanah yang melibatkan urusan tukar syarat, gadaian, pindahmilik dan menjalankan kuasa-kuasa penguatkuasaan undang-undang tanah termasuklah urusan permohonan kebenaran carigali serta perlombongan dan menyelesaikan permohonan tanah haram. PTG juga turut mengendalikan urusan pungutan hasil dan pengambilan balik tanah.

## Perutusan Pengarah

Ditulis oleh Administrator

Selasa, 03 Jun 2014 00:00 - Terakhir dikemaskini Selasa, 17 September 2019 08:26

---

Laman Web ini memberikan maklumat berkaitan sejarah, aktiviti pentadbiran tanah, pekeliling-pekeliing/arahan tanah dan perkara lain yang berkaitan dengan urusan pentadbiran tanah yang mungkin menjadi sumber panduan kepada agensi-agensi lain dan juga orang awam yang cenderung pada urusan pentadbiran tanah Negeri Terengganu yang dilaksanakan oleh PTG.

PTG juga akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatannya kepada pelanggan. Sehubungan itu, saya mengalu-alukan pandangan yang membina dan positif untuk memantapkan lagi pengurusan maklumat laman ini dan juga ke arah pentadbiran tanah yang lebih baik dan efisien.

Saya bagi pihak seluruh kakitangan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu merakamkan ribuan terima kasih di atas segala usaha dan pengorbanan semua pihak yang terlibat dalam pembinaan laman web ini.

Sekian, salam cyber dari saya dan terima kasih.

Yang Mulia Tengku Seri Bijaya Raja

Pengarah Tanah dan Galian Terengganu

## Perutusan Pengarah

Ditulis oleh Administrator

Selasa, 03 Jun 2014 00:00 - Terakhir dikemaskini Selasa, 17 September 2019 08:26

---